



Terminologi Pembelahan (Syaqqa) berdasarkan Fenomena Kiamat dalam Al-Quran Menerusi Elemen Ma'ani

Terminology of Split (Syaqqa) based on the Phenomenon of Judgement Day in the Qur'an through the Element of Ma'ani

Khairul Asyraf Mohd Nathir^{1,*}

¹Faculty of Major Language Studies, Islamic Science University of Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

*Corresponding Author; E-mail: khai.asyraf@usim.edu.my

Article Info

Article history:

Received: 09/11/2022

Accepted: 10/03/2023

Published: 30/03/2023

DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiya.a22>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan terminologi pembelahan (*syaqqa*) berdasarkan fenomena kiamat dalam al-Quran menerusi elemen ma'ani. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti terminologi pembelahan (*Syaqqa*) dan fokus konteks pembelahan (*syaqqa*) berdasarkan fenomena kiamat dalam al-Quran menerusi elemen ma'ani. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan *ma'ani* oleh Lāsyin (2009) dan teori *Halliday's Systemic Functional Linguistics* (2004) sebagai asas kajian. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti teks secara tekstual dan kontekstual. Pendekatan menerusi gabungan *ma'ani* oleh Lāsyin (2009) dan teori Halliday's Systemic Functional Linguistics (2004) ini memperlihatkan hubung kait antara ayat pembelahan (*Syaqqa*) dengan ilmu *ma'ani* serta kedudukan terminologi tersebut dalam konteks nahu. Bahan kajian merupakan potongan ayat al-Qur'an yang terkandung padanya terminologi pembelahan (*syaqqa*). Hasil penelitian awal, terdapat empat ayat dari tiga surah yang menjelaskan konsep pembelahan (*Syaqqa*) dalam al-Quran iaitu melalui perkataan *tansaqqu* (dalam bentuk *fi'il mudari'*) *tasyaqqaqu*, (dalam bentuk *fi'il mudari'*) *syaqaqna* (dalam bentuk *fi'il madiy*) dan *syaqqa* (dalam bentuk *Masdar*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa konteks makna yang melibatkan terminologi pembelahan (*Syaqqa*) dalam al-Quran dan dua ayat sahaja berkait rapat dengan pembelahan (*Syaqqa*) yang merujuk kepada fenomena saat kiamat berlaku iaitu melalui perkataan *tansaqqu* dan *tasyaqqaqu*. Kedua-dua ayat ini adalah merujuk kepada situasi kehancuran bumi melalui pembelahan yang berlaku.

Kata Kunci: *balaghah, terminology, pembelahan, syaqqa*

ABSTRACT (English)

This study aims to discuss the terminology of split (*Syaqqa*) according to the phenomenon of judgment day through evidence in the Qur'an. The objective of the study is to identify the element of split (*Syaqqa*) and the focus of the context of split (*Syaqqa*) through the phenomenon of judgment day in the Quran related to *ma'ani* elements. This study is a qualitative study that uses the *ma'ani* approach by Lāsyin (2009) and Halliday's Systemic Functional Linguistics theory (2004) as the basis of the study. The method of content analysis is used to examine the text textually and contextually. The approach through the combination of *ma'ani* by Lāsyin (2009) and Halliday's Systemic Functional Linguistics theory (2004) shows the connection between the split (*Syaqqa*) and the *ma'ani* position in term of terminology in the context of *nahu*. The research material is a fragment of the Qur'anic verse that contains the terminology of split (*Syaqqa*). As a result of preliminary research, there are four verses from three surah that explain the concept of split (*Syaqqa*) in the Qur'an, which is through the words *tansaqqu* (in the form of the *fa'il mudari'*) *tasyaqqaqu*, (in the form of the *fa'il mudari'*) *syaqaqna* (in the form of the *fa'il madiy*) and *Syaqqa* (in the form of *Masdar*). The results of the study show that there are several contexts of meaning involving the terminology of split (*Syaqqa*) in the Qur'an and only two verses related to the closeness of split (*Syaqqa*) which refer to the phenomenon of judgment day, which is through the words *tansaqqu* and *tasyaqqaqu*. Both verses refer to the situation of the destruction of the earth through the splitting that takes place.

Keywords: *balaghah, terminology, split, syaqaqa*

PENGENALAN

Perbahasan *i'jaz* al-Quran tidak terlepas dari tiga asas utama iaitu penguasaan ilmu bahasa Arab pada manusia, kefahaman manusia pada keseluruhan makna, dan pengetahuan manusia (Roslan et.al, 2015). Dalam hal ini, status bahasa Arab secara langsung telah dinobatkan sebagai bahasa yang mulia selaras dengan penurunan dan menerusi bahasa penyampai wahyu Ilahi. Bahasa Arab yang unik ini dipelajari dan didalami oleh para pentafsir yang terdiri daripada para sahabat, tabi'in dan seluruh umat Islam untuk memahami isi kandungan al-Quran (Wan Azura WA, 2017).

Perkara ini membawa kepada perbahasan *i'jaz* al-Quran secara khusus iaitu berkaitan dengan kelemahan manusia dalam mendatangkan sesuatu yang sama dengan apa yang terdapat dalam al-Quran. Oleh hal yang demikian, para sarjana meletakkan definisi *i'jaz* sebagai lemah terhadap sesuatu dan tidak mampu atau terdaya ke atasnya (Ibrahim, 2004), dalam menangani sesuatu yang luar dari batas pemikiran normal (Abdul Baqiy, 1992) menerusi pecahan utama iaitu *i'jaz bayāniy*

Menurut al-Najjar (2007) *i'jaz bayāniy* merupakan perbincangan terperinci tentang susun atur al-Quran dan ketinggian balāghah padanya. Penggunaannya juga adalah yang paling utama berbanding *i'jāz* yang lain. Ini menjelaskan bahawa

kedudukan *i'jāz bayāniy* ini adalah yang paling besar dan banyak dibahas dalam al-Quran. Selain daripada itu, *i'jāz bayāniy* juga merupakan salah satu bentuk cabaran yang besar kepada golongan kafir Quraisy di saat al-Quran mula diturunkan. Ini adalah berkait rapat dengan ketinggian ilmu *balāghah* serta *fashāhah* dan *bayān* dalam kalangan mereka yang terkenal dengan kehebatan dan kemasyhuran dalam menukikan syair serta prosa yang indah (Mohamad et al, 2016).

Allah S.W.T memberi gambaran bahawa setiap lafaz atau perkataan yang wujud dalam al-Quran perlu melalui satu proses asas iaitu mengenali dan memahami. Pemahaman ini juga berkait rapat dengan kedudukan ilmu asas dalam tatabahasa Arab di samping kedudukan setiap ayat yang turut bersangkut paut pada perbahasan *balāghah* melalui ilmu *ma'ani*, *bayān* dan *badī'* (Mhd Ramli et al, 2015).

Secara ironinya, kajian terhadap *i'jāz bayāniy* dalam al-Quran merupakan satu penelitian yang mendalam terhadap sesuatu yang akan berlaku. Kajian ini memerlukan kepada usaha yang berterusan untuk menggali, menyingkap dan membongkarkan rahsia keindahan gaya bahasa al-Quran sekaligus menerapkan kecintaan kepada ayat-ayat Allah ini sehingga tiada masa atau had yang boleh mengenyepikan keistimewaan bahasa al-Qur'an ini (Aziz, 1997).

Pendekatan *khavar* berfungsi sebagai menjelaskan sesuatu fakta, perkhawaran dan berita yang ditujukan khusus kepada pendengar atau pembaca (Rifa'in@Mohd Rifain et al, 2018). Pembahagian *khavar* sebagaimana yang dinyatakan oleh pendokong teori *ma'ani* iaitu 'Abd Fattah Lāsyin (2009) terbahagi kepada tiga; pertama, *khavar ibtida'iy* iaitu bentuk perkhawaran yang tidak menggunakan apa-apa huruf atau partikel penegasan. Kedua, *khavar talabiy* iaitu bentuk penegasan yang menggunakan satu huruf atau partikel penegasan seperti (إِن، ل، ب،) dan lain-lain. Ketiga, *khavar inkāriy* iaitu perkhawaran yang menggunakan dua dan lebih huruf atau partikel penegasan dalam satu ayat.

Bagi tujuan penggunaan *khavar* pula, fungsinya adalah berkait rapat dengan fokus fakta atau perkhawaran sesuatu ayat seperti memberi galakan, memberi peringatan dan sebagainya ('Abbas, 1997). Perbahasan tujuan *uslub khavariy* pula adalah berfokus kepada setiap *khavar* yang ingin disampaikan kepada pendengar, antaranya seperti berikut:

1. Idzhar Al-Dha'fi (الضغف إظهار): Bertujuan menunjukkan ketidakmampuan, seperti Firman Allah S.W.T:

(قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا)

Maksudnya: "Dia (Zakaria) berkata, "Ya Tuhanku, sungguh tulangku telah lemah dan kepalaku telah dipenuhi uban, dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada-Mu, ya Tuhanku" (Maryam 19:4)

2. Istirham/Isti'thaf (استرحام / استعطاف): Bertujuan menunjukkan belas kasihan, seperti dalam Firman Allah S.W.T:

(فَسَقَى لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّى إِلَى الظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ)

Maksudnya: "Maka dia (Musa) memberi minum (ternak) kedua perempuan itu, kemudian dia kembali ke tempat yang teduh lalu berdoa, "Ya Tuhanku, sesungguhnya aku sangat memerlukan sesuatu kebaikan (makanan) yang Engkau turunkan kepadaku." (Qasas, 28:24)

3. Idzhar Al-Tahassur/At-tahazzun (إظهار التحسر أو التحنن): Bertujuan menunjukkan suatu kesedihan seperti Firman Allah S.W.T:

(فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنْثَىٰ وَإِنِّي سَمَّيْتُهَا مَرْيَمَ وَإِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ)

Maksudnya: "Maka ketika melahirkannya, dia berkata, "Ya Tuhanku, aku telah melahirkan anak perempuan." Padahal Allah lebih tahu apa yang dia lahirkan, dan laki-laki tidak sama dengan perempuan" Dan aku memberinya nama Maryam, dan aku mohon perlindungan-Mu untuknya dan anak cucunya dari (gangguan) setan yang terkutuk." (Ali-Imran, 3:36)

4. Al-Wadzu (الوعظ): Bertujuan memberi peringatan sebagaimana firman Allah S.W.T:

(كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ)

Maksudnya: "Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya Dan ingatlah bahawa kehidupan di dunia ini meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya" (Ali-Imran, 3:185)

Pembahagian tujuan khabar ini melibatkan dua aspek iaitu فائدة الخبر (faedah berita) yang menjelaskan pemakluman berita kepada pendengar tentang sesuatu yang belum diketahui, manakala tujuan kedua iaitu لازم الفائدة (maklumat tersedia) adalah merujuk kepada pemakluman kepada pendengar kepada sesuatu berita yang telah sedia diketahui (Abdul Aziz 'Atiq,2009; 'Abdul Wahid et al, 2016) seperti contoh berikut:

Allah S.W.T berfirman:

الْقَهَّارِ الْوُجِدِ وَتَبَرُّوا لِلَّهِ وَالسَّمُوتِ الْأَرْضِ غَيْرِ الْأَرْضِ تُبَدَّلُ (يَوْمَ

Maksudnya: "(Iaitu) pada hari (ketika) bumi diganti dengan bumi yang lain dan (demikian pula) langit, dan mereka semuanya (di padang Mahsyar) berkumpul menghadap kepada Allah yang Maha Esa lagi Maha Perkasa. (Ibrahim, 14:48)

Dalam ayat ini, Allah mendatangkan satu bentuk perkhabaran tentang fenomena kiamat yang akan berlaku menerusi kefahaman ayat yang menjelaskan kedudukan bumi yang akan digantikan dengan bumi yang lain. Dalam hal ini, Az-Zuhailiy (2014) menegaskan penggunaan perkataan وَتَرَوُا iaitu *fi'il mādīy* dalam konteks *muḍāri'* bertujuan untuk menjelaskan satu bentuk fenomena yang benar-benar akan terjadi iaitu mereka keluar dari kubur. Kemudian manusia dikumpulkan di sebuah hamparan bumi yang putih bersih. Sebagaimana sabda Nabi S.A.W dalam sahih Bukhari dan Muslim.

Diriwayatkan dari Sahl bin Sa'ad r.a, dia berkata, baginda Nabi S.A.W bersabda:

يُخْشَرُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى أَرْضٍ بَيْضَاءَ عَفْرَاءَ كَقُرْصَةِ التَّقِيّ لَيْسَ فِيهَا عِلْمٌ لِأَحَدٍ

Maksudnya: "Pada hari kiamat, umat manusia diiring dan dikumpulkan di sebuah hamparan bumi yang putih kemerahan seperti roti an-Naqiy (dari tepung gandum yang baik), tiada ada satu tanda pun di sana." (Sahih Muslim, 2790)

Justeru, tujuan *khavar* dalam ayat ini adalah merujuk kepada فائدة الخبر (faedah berita) tentang perkhabaran satu peristiwa yang belum lagi berlaku iaitu pertukaran dari bumi yang sedia ada pada hari ini kepada bumi yang lain dan berbeza keadaan dan persekitarannya selepas manusia dibangkitkan dari alam kubur.

Secara terperinci dan mendalam, tujuan khabar ini dapat diperincikan seperti berikut:

- 1- Tujuan *khavar* adalah merujuk kepada faedah berita dan maklumat tersedia.
- 2- Penggunaan tujuan khabar dalam fenomena kiamat adalah merujuk kepada faedah berita iaitu perkhabaran situasi kepada pendengar tentang sesuatu yang belum berlaku.
- 3- Berdasarkan ayat fenomena kiamat, penggunaan *fi'il mādīy* dalam konteks *muḍāri'* adalah bertepatan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis kandungan teks. Pemilihan kaedah ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti, menganalisis dan menghuraikan elemen *i'jaz bayāniy* dan *ilmīy* berkaitan fenomena pembelahan dalam al-Quran. Kaedah ini secara teorinya akan memberi gambaran

yang lebih tepat dan pemahaman yang mendalam berkaitan sesuatu yang belum diketahui atau telah sedia ada diketahui (Noriah et. al, 2013; Othman, 2014).

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap ayat-ayat al-Quran serta sumber-sumber ilmiah yang telah diterbitkan. Kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data daripada manusia, haiwan atau maklumat sulit. Oleh itu, kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan tidak diperlukan bagi pelaksanaan kajian ini.

Bahan kajian merupakan potongan ayat al-Quran yang terkandung padanya terminologi pembelahan (*Syaqqa*). Untuk memperolehi data kajian, sumber rujukan primer dan sekunder berkaitan terminologi pembelahan (*Syaqqa*) dirujuk berpandukan objektif kajian. Berdasarkan carian dan penelitian terhadap kitab antaranya *masyāhid al-Qiyamah fi al-Qur'an* oleh Sayyid Quṭb, *al-Tazkīrah bi ahwal al-Maut wa al-Umūr al-Akhirah* oleh Imam al-Qurtubi, *masyāhid al-Qiyamah* oleh 'Abd Rahman al-Turkiy, dan *waṣafa yaum qiyāmah fi al-Qur'an* oleh Muhammad Asraf Hijaz. Rujukan kajian lepas juga disoroti bagi melihat taburan terminologi yang menjelaskan fenomena kiamat dalam al-Quran antaranya *al-Alfaz al-Qiyamah* oleh al-Alusiyy, *al-Alfaz Yaum al-Qiyāmah al-Waridah fi al-Qur'an* oleh Abdul Karim Nasir al-Khajrājiy, *hiwar masyāhid al-Qiyamah fi al-Qur'an* oleh Hala Said dan *wasafa hal al-A'rḍ yaum al-Qiyāmah kamā jā' fi al-Quran* oleh Luluwat. Hasil penelitian ini, terminologi pembelahan (*Syaqqa*) berada pada tiga surah seperti berikut:

Jadual 1: Lafaz *syaqqa* dalam al-Qur'an

Surah	Ayat	Lafaz
Maryam 19:90	تَكَادُ السَّمُوتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ وَتَخِرُّ الْجِبَالُ هَدًّا	Tansaqqu- dalam bentuk <i>fi'il muḍāri'</i>
Qaf 50:44	يَوْمَ تَشَقَّقُ الْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَاعًا ذَلِكِ حَشْرٌ عَلَيْنَا يَسِير	Tasyaqqaqu- dalam bentuk <i>fi'il muḍāri'</i>
'Abasa 80:26	ثُمَّ نَشَقُّنَا الْأَرْضَ شَقًّا	Syaqaqna- dalam bentuk <i>fi'il māḍiy</i> Syaqqa- dalam bentuk <i>maṣḍar</i>

Jadual di atas menunjukkan empat lafaz *syaqqa* yang berada pada tiga ayat yang didatangkan dalam bentuk *fi'il muḍāri'*, *fi'il māḍiy* dan *maṣḍar*. Dari sudut *nahu*, lafaz ini merupakan *fi'il thulāthi muḍā'af* yang mempunyai tanda *syaddah* pada huruf 'qaf' kedua (ش ق ق). Dari sudut makna pula, lafaz ini membawa maksud memecah, membelah, merekah dan mengoyak seperti (شَقَّقَ الشَّيْءَ) membelah sesuatu, (شَقَّقَ الْيَدَيْنِ) kesejukkan merekahkan tangan, (شَقَّقَ الْكَلَامَ) memecahkan percakapan. (Ibn Faris, 1969; Ibn Manzur, 1994; Umar, 2008).

Dalam konteks kajian ini, teori yang dikemukakan oleh Lāsyin ini membawa satu dimensi keindahan dan ketinggian nilai *balāghah* dalam sesuatu ayat al-Quran. Beliau

mengemukakan pandangan berkaitan *nazm* al-Quran yang berasaskan kepada pemilihan perkataan yang sesuai dan susunannya yang sempurna melalui suatu kaedah yang tinggi selaras dengan konsep dan susun atur tatabahasa Arab.

Ikbal (2015) menjelaskan, penggunaan teori ini adalah sesuai dengan kajian yang melibatkan kemukjizatan al-Quran khususnya pengkajian yang menggunakan ilmu *ma'ani* sebagai pokok utama perbincangan. Selain daripada itu, aspek *nazm* al-Quran yang digunapakai adalah sesuai dengan data kajian yang meletakkan ayat *Syaqqa* sebagai satu bentuk perbincangan dalam *ma'ani* bagi menerobos fenomena di sebalik ayat tersebut. Kaedah tersebut adalah seperti ilustrasi berikut:



Rajah 1: Teori ilmu *ma'ani* oleh Lasyin


Seterusnya, dalam memahami konteks situasi ini, para sarjana silam menggunakan istilah *maqam* yang menjelaskan tentang konteks situasi sebagaimana yang dinyatakan oleh para sarjana linguistik barat seperti Firth dan Halliday (*Balḥāf*, 2012). Kedua-dua istilah ini mempunyai konsep dan tujuan yang sama iaitu menganalisis makna. Berdasarkan penafsiran yang dikemukakan oleh Firth, beliau telah membahagikan konteks situasi ini kepada beberapa elemen utama (*Mohamad*, 2016) iaitu:

1. Mereka yang terlibat dalam situasi tersebut (penutur, pendengar dan saksi)
2. Faktor yang berkait dengan situasi (masa, tempat, keadaan masyarakat, ekonomi)
3. Kesan yang terhasil daripada situasi (bahagia, sedih, gembira atau duka)

Al-Murashi (2016) menjelaskan, Halliday telah memperkenalkan satu kerangka teori yang lebih khusus berkaitan konteks situasi ini iaitu *Halliday's Systemic Functional Linguistics* (SFL) meletakkan tiga elemen utama yang melatari model konteks situasi ini iaitu:

1. *Field* (Bidang): Menjelaskan tentang sesuatu topik atau perkara yang menjadi perbincangan.
2. *Tenor* (Penglibatan): Menjelaskan tentang siapa dan apa hubungan antara mereka dalam konteks situasi perbincangan.

3. *Mode* (Kegunaan bahasa): Menjelaskan tentang gaya penggunaan bahasa dalam konteks situasi perbincangan.



Rajah 2: Peringkat Konteks situasi oleh Halliday

Berdasarkan rajah 2, beberapa elemen didapati terlibat dalam konteks situasi. Elemen tersebut adalah:

a : Makna perkataan

b : Makna nahu

c : Hasil yang diperolehi

f : Bidang

j : Penutur

k : Pendengar

l : Peserta

m : Gaya bahasa

t : Penglibatan

Pendekatan menerusi dua teori ini penting bagi memastikan setiap ayat Syaqqqa yang dikaji dapat difahami secara mendalam seterusnya menjawab kepada objektif kajian yang dibentuk.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Ayat Syaqqqa 1

Allah S.W.T berfirman:


(يَوْمَ تَشَقَّقُ الْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَاعًا ذَلِكِ حَشْرٌ عَلَيْنَا يَسِير)

Maksudnya: “Pada hari bumi terbelah-belah untuk mereka segera keluar (daripadanya). Perbuatan (menghidupkan dan) menghimpunkan mereka di Padang Mahsyar itu, mudah bagi Kami melaksanakannya” (Qaff 50:44).

Merujuk kepada pemahaman ayat ini, Allah S.W.T menggambarkan satu bentuk urutan peristiwa akhir zaman selepas manusia dimatikan dan kemudian dibangkitkan melalui keadaan bumi yang terbelah dengan mengeluarkan semua isi kandungan yang terdapat padanya iaitu manusia. Ayat ini merupakan kesinambungan kepada pertanyaan orang yahudi yang bertemu Rasulullah S.A.W tentang penciptaan langit dan bumi dari mula penciptaan sehingga sempurna selama enam hari daripada hari ahad sehingga jumaat (Az-Zuhailiy, 2014). Kemudian baginda Nabi S.A.W diminta untuk bersabar dengan apa yang dikatakan oleh mereka dan sentiasalah bertasbih memuji Allah S.W.T sebelum tibanya saat waktu pengakhiran kepada alam ini dengan satu bentuk keadaan pembelahan bumi bagi mengeluarkan semua manusia kembali.

Dalam hal ini, pembelahan bumi bagi mengiringi seluruh manusia ke padang mahsyar adalah suatu perkara yang amat mudah bagi Allah S.W.T. Justeru itu, tujuan pembelahan bumi ini adalah melibatkan proses pengeluaran dari dalam bumi bagi menyempurnakan peringkat timbangan amalan di hadapan Allah S.W.T kelak.

Penjelasan ayat di atas adalah merujuk kepada konteks yang ditunjukkan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 3: Peringkat konteks situasi ayat “Pada hari bumi terbelah-belah untuk mereka segera keluar (daripadanya)”

Rajah 3 menunjukkan konteks situasi ayat “Pada hari bumi terbelah-belah untuk mereka segera keluar (daripadanya).” yang menggunakan lafaz *syaqqa* sebagai permulaan kepada pemahaman ayat ini. Dari konteks bidang kajian, penggunaan lafaz *syaqqa* secara umumnya memberi satu bentuk perkhayaban peristiwa yang akan berlaku kelak dengan situasi bumi terbelah bagi membangkitkan semua manusia dari

kubur bagi menghadapi timbangan di masyar kelak. Dalam hal ini, penglibatan ayat ini menjurus kepada arahan dan amaran Allah S.W.T (j) melalui Rasulullah S.A.W (k) kepada orang yahudi (l) tentang penciptaan alam ini sehingga manusia dimatikan dan dibangkitkan kembali dalam selepas bumi terbelah untuk mengeluarkan mereka.

Dari sudut gaya bahasa pula, terdapat pendekatan *ma'ani* dalam bentuk *khavar ibtidā'iy* yang berfungsi menjelaskan ayat tanpa keraguan dengan menfokuskan tujuan *khavar* kepada bentuk peringatan dan amaran khusus kepada orang Yahudi melalui gambaran bumi terbelah dan mengeluarkan kembali semua manusia yang telah dimatikan. Dalam ayat ini juga terdapat elemen *ijaz qasr* iaitu ungkapan ringkas tetapi mengandungi pengertian yang luas tentang situasi pembelahan bumi. Penjelasan tentang *itnab* juga dijelaskan melalui potongan ayat ini iaitu susul ulas (التذليل) dalam bentuk bukan kata bidalan (غير جار مجري المثل) iaitu jumlah kedua (عَلَيْنَا حَشْرٌ ذَلِكَ) merupakan susul ulas kepada jumlah pertama (سِرَاعاً عَنْهُمْ الْأَرْضُ تَشَقَّقُ يَوْمَ) (تيسير).

Dari sudut makna nahu, lafaz *syaqqa* membawa maksud terbelah atau situasi pembelahan yang memerlukan satu kuasa untuk melaksanakannya. Dalam hal ini, kekuasaan Allah S.W.T adalah dengan mudah melaksanakan proses tersebut. Dari konteks nahu, permulaan ayat ini dimulai dengan kata *yāum* iaitu *mafulum fih* yang berfungsi sebagai penentuan masa dan menjawab kepada pertanyaan متى. Dalam hal ini, kata *yaum* mendepani lafaz *syaqqa* bagi meletakkan satu bentuk penegasan terhadap masa yang akan berlaku melibatkan pembelahan bumi. Kata *yaum* juga dibaca dalam dua keadaan iaitu sebagai *badal* yang terdapat pada *استمع يوم* iaitu (واستمع حديث يوم ينادي المنادي) lalu kata yang menjadi *muḍaf* (حديث) yang berkedudukan sebagai *mafulum bih* dibuang. Kedua dibaca *mansub* kerana bertat'aluq kepada (إلينا المصير). Pada penghujung ayat ini terdapat satu bentuk *ḥāl* iaitu lafaz *سراعا* dari *ḍamir hum* pada lafaz *عنهم* berfungsi memperkukuhkan maksud keluar dengan pantas dibantu dengan keadaan bumi yang telah sedia terbuka.

Ayat Syaqa 2

Allah S.W.T berfirman:

(تَكَادُ السَّمُوتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ وَتَخِرُّ الْجِبَالُ هَدًّا)


Maksudnya: "Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap," (Maryam 19:90)

Merujuk kepada pemahaman ayat ini, Allah S.W.T menggambarkan satu keadaan langit, bumi dan gunung yang hampir kepada kemusnahan akibat kata-kata orang musyrik Arab yang mendakwa Allah mempunyai anak. Az-Zuhailiy (2014) menjelaskan bahawa orang-orang yahudi mendakwa "Uzair" adalah putera Allah, manakala orang Nasrani pula mengatakan al-Masih iaitu Nabi Isa a.s adalah anak Allah. Kenyataan mereka itu merupakan sesuatu yang munkar dan kata-kata yang

mengundang dosa dan kemurkaan yang besar disisi Allah S.W.T. Dalam hal ini, langit, bumi dan gunung hampir musnah kerana kata-kata buruk yang dinyatakan oleh mereka.

Az-Zuhailiy (2014) menambah bahawa, Ibn Abbas berkata tentang situasi langit yang runtuh, bumi yang terbelah, gunung yang runtuh serta seluruh makhluk terkejut kecuali manusia dan jin. Ka'ab pula menambah bahawa, bumi hampir sahaja menjadi kiamat akibat kemurkaan Allah S.W.T terhadap musuh-musuh-Nya.

Penjelasan ayat di atas adalah merujuk kepada konteks yang ditunjukkan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 4: Peringkat konteks situasi ayat “Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap,”

Rajah 4 menunjukkan peringkat konteks situasi ayat “Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap,” yang menggunakan lafaz *syaqqa* sebagai lafaz yang melatarinya. Penggunaan lafaz ini membawa satu maksud utama iaitu keadaan bumi yang terbelah dengan kondisi yang berbeza dengan apa yang digambarkan melalui fenomena gempa bumi, gunung berapi, tanah runtuh dan lain-lain. Dalam hal ini, penglibatan ayat ini menjurus kepada arahan dan amaran Allah S.W.T (j) kepada orang kafir (k) menyebabkan semua makhluk kecuali manusia dan jin (l) terkejut dengan kenyataan dari orang kafir tersebut.

Dari sudut gaya bahasa pula, terdapat pendekatan *ma'ani* dalam bentuk *khabar ibtidā'iy* yang berfungsi menjelaskan ayat tanpa keraguan dengan menfokuskan tujuan *khabar* kepada bentuk peringatan dan amaran khusus kepada orang kafir melalui gambaran bumi hampir terbelah dengan kenyataan dari mereka. Dalam ayat ini juga

terdapat elemen *ijaz qasr* iaitu ungkapan ringkas tetapi mengandungi pengertian yang luas tentang situasi pembelahan bumi menerusi *jumlah* (الْأَرْضُ وَتَنْشَقُّ).

Dari sudut makna nahu, lafaz *syaqqa* membawa maksud terbelah atau situasi pembelahan yang memerlukan satu kuasa untuk melaksanakannya. Berdasarkan pemahaman makna tersebut, bumi hampir-hampir terbelah, namun kekuasaan Allah S.W.T sahaja yang mampu menentukannya. Dari konteks nahu, permulaan ayat ini menggunakan lafaz **كَادَ** dengan perkataan **السَّمَوَاتِ** sebagai *isim kāda* dan *khavar* yang dibuang. Fungsi *kāda* ini adalah sepertimana *kāna wa akhawatuha*, namun maksud dari perkataan *kāda* adalah hampir-hampir berlaku tetapi masih belum berlaku. Lafaz *syaqqa* pula didatangkan dalam bentuk *fi'il muḍāri'* dan lafaz *al-'Arḍ* pula adalah *fā'il* dengan partikel *wau 'ataf* berfungsi sebagai kesinambungan kondisi langit pecah, disusuli dengan bumi terbelah dan gunung yang runtuh. Penggunaan *fi'il muḍāri'* pada lafaz *syaqqa* berfungsi menjelaskan satu situasi yang sedang atau akan berlaku. Dalam hal ini, peristiwa ini hampir-hampir berlaku dan belum lagi berlaku. Justeru, isyarat Allah S.W.T adalah kuat menjelaskan sekiranya masih ada manusia yang mendakwa Allah mempunyai anak sepetimana yang berlaku kepada orang kafir sebelum ini, maka azab Allah S.W.T boleh turun kepada mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perkara yang dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan terminologi pembelahan (*Syaqqa*) dalam al-Quran yang menumpukan kepada aspek ilmu *ma'ani* dari sudut *balaghah*nya. Fokus pengkaji dalam terminologi pembelahan menerusi ayat *Syaqqa* ini adalah kerana terminologi ini membawa gambaran pembelahan yang berlaku kepada bumi di saat kiamat berlaku. Hasil dapatan menunjukkan, ayat-ayat berkaitan pembelahan yang menjurus kepada fenomena kiamat datang dalam bentuk *fi'il mudari'* yang menjurus kepada peristiwa masa akan datang. Situasi bertepatan dengan kedudukan kiamat yang merupakan perkara ghaib dan peristiwa yang belum lagi berlaku yang nyata berbeza dengan situasi yang berlaku pada masa kini. Oleh itu, kefahaman terhadap ayat ini secara jelas mampu memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang sesuatu fenomena yang berlaku seterusnya mendatangkan perasaan gerun dan takut kepada kekuasaan Allah SWT.

Justeru itu, bagi tujuan perbincangan lanjut, penulis mencadangkan agar kajian susulan dapat dijalankan dengan memperkembangkan lagi kajian dalam bidang *balaghah* dan terminologi kiamat yang lain.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua sarjana dan penyelidik terdahulu yang menjadi asas kepada pembangunan kerangka teori dan analisis kajian ini. Penghargaan turut diberikan kepada pihak editor

dan penilai artikel atas segala komen, cadangan serta penambahbaikan yang telah meningkatkan kualiti manuskrip ini.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis telah menyumbangkan kepakaran dalam pengumpulan data dan analisis seterusnya membuat semakan dan penyuntingan kepada artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para Penulis mengistiharkan tiada konflik kepentingan terhadap artikel ini.

KENYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak menggunakan kecerdasan buatan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan penulis.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abbas, F. H. (1997). *Ilm al-Ma'ani*. Jordan: Dar al-Furqan.

'Abdul Wahid, S., Mohd, S., A. dan Lazim, O. (2016). *Ilmu Balāghah Lengkap (Ma'ani, Bayan dan Badi')*. Selangor: Dār al-Syakir.

'Abdul Aziz 'Atiq. (2009). *Ilm al-Ma'ani*. Beirut: Dar an-Nahdah al-'cArabiyyah.

'Abdul Baqīy, M. F. (1992). *Al-Mu'jam al-Mufaḥiris Li al-Faz al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Murashi, W. A. R. (2016). An Introduction to Halliday's Systemic Functional Linguistics. *Journal for the Study of English Linguistics*. 4(1). 70-80.

Az-Zuhāiliy, W. (2014). *Tafsir al-Munir: Fil 'Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Jakarta: Gema Insani.

Ibn Faris, A. A. (1994). *Mu'jam Maqāyis al-Lughāh*. Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Kathir I. I. (1988). *Al-Nihayat fi al-Fitan wa al-Malahim*. Bayrūt: Dār al-Jil.

Ibn Manzur, J. (1994). *Lisan al-Arab*. Bairūt: Dār Lisan al-Arab.

Ibrahim M., Ahmad H., Hamid'A. Q. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dār al-Da'wah.

Ikbal, Z. M. (2015). *Analisis Ta'rif dan Tankir dari Perspektif Ilmu Ma'ani dalam Surah al-Ahzāb*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Jasmi, K. A. (2013). Al-Qur'an Satu Mukjizat yang Menakjubkan. *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Qur'an*. Skudai, Johor Bharu: Penerbit UTM Press.

- Jasmi, K. A & Hassan, N. (2013). Al-Quran dan Geologi in *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif Al-Quran*. Skudai, Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia Press, 1-19. ISBN: 978-983-52-0914-7.
- Mhd Ramli, M. F., Othman, M. S & Hajimmaming @ Toklubok, P. (2015). Keserasian Lafaz Gaya Bahasa Jinas dalam Kitab al-Hikam al-'Ata'iyah: Kajian Nilai Estetika. *Issues in Language studies*, 4(2), 1-14. <https://doi.org/10.33736/ils.1648.2015>
- Muhamad H., Sukki M. O., Nik F. M., Zulkifli. (2016). Analisis Penggunaan Isti'arah; Kajian Terhadap Beberapa Hadith Amthal Rasulullah S.A.W. *Issues in Language Studies*. 5(1). 27-43.
- Mohamad H. (2016). *Elemen Bāyan dalam Amthal Rasulullah S.A.W*. Tesis Ph.D Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noriah M. I., Siti F. M. Y., Mohd I. M. H. (2013). *Kajian Kes dalam Noraini Idris. Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Othman (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit UPSI.
- Rifa'in@Mohd Rifain, S., Pa, M. T., & Hamzah, N. H. (2021). Keindahan Penggunaan Uslub Amr Terhadap Wanita dalam Surah Al-Baqarah. *Issues in Language Studies*, 10(1), 76-92. <https://doi.org/10.33736/ils.2601.2021>.
- Rifa'in@Mohd Rifain, S., Pa, M. T., & Samah, R. (2018). Gaya Bahasa Amr Bagi Konteks Haji Dalam Surah Al-Baqarah. *Gema Online Journal of Language Studies*, 18(2), 235-254. <http://dx.doi.org/10.17576/gema-2018-1802-16>
- Roslan A. R, Md. N. A., Mohd B. A., Nuh I. (2015). i'Jaz al-Qur'an: Satu tinjauan Mengenai Pengertian dan Pandangan Ulama. *Jurnal Syariah*. 94-115.
- Umar, A. M. (2008). *Mu'jam al-Lughāh al-Arabiyyah al-Mu'ashirah*. Kairo: Alam al-Kutb.
- Wan. Azura., W. A., M.Z.A., A. F., Samah, R., Ahmad, H., Mohamed, Y., & Ibrahim, M. (2017). Uslub Targhib (Motivasi) Dalam Muamalah Hasanah: Analisis Surah Ad-Dhuha Daripada Perspektif Psikologi dan Retorik. *Journal Of Nusantara Studies (JONUS)*, 2(2), 198-213. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol2iss2pp198-213>
- Alduais, A. M. (2015). An Account of Phonetics and Phonology as Similar Identical or Different. *The International Journal of Indian Psychology*, 3(1), 157-168.
- hmed, A. H., & Abdo, S. M. (2017). Verification System for Quran Recitation Recordings. *International Journal of Computer Application*, 163(4), 6-11.

Mostafa Belkasmi, M. O., Elhadj, Y. O., & Abdellah, Y. (2017). Strategies for Implementing an Optimal ASR System for Quranic Recitation Recognition. *International Journal of Computer Applications*, 172(9), 35-41.